



PROTON

Siaran Akhbar

PASUKAN R3 PROTON MENGUASAI PUSINGAN 3 SIRI KEJUARAAN MALAYSIA (MCS)

- Dua kemenangan dan satu podium pada perlumbaan kedua kemuncak kemenangan PROTON
- Semangat kerjasama memperlihatkan pemandu-pemandu Pasukan R3 PROTON hampir menjuarai perlumbaan

Subang Jaya, 16 Julai 2019 – Pasukan PROTON R3 (R3) menguasai Pusingan 3 Siri Kejuaraan Malaysia (MCS) 2019 dengan merangkul kemenangan dua kali termasuklah mendapatkan tempat podium dengan menamatkan 1-2-3 dalam perlumbaan kedua. Perlumbaan diadakan di Litar Antarabangsa Sepang (SIC) pada hujung minggu lalu, dengan setiap perlumbaan dijalankan selama satu jam yang menguji ketahanan kereta serta pemandu dan akhirnya membuktikan sekali lagi bahawa R3 adalah pasukan yang paling menonjol bagi dalam kelas M-Pengeluaran.

R3 menumpukan pada kejuaraan

Permulaan perlumbaan pada hujung minggu lalu tidak berpihak pada pasukan R3 kerana sesi kelayakan adalah tidak seperti yang dirancang. Proton Suprima S yang dipandu oleh Mitchell Cheah layak di *pole position* tetapi rakan sepasukannya Fariqe Hairuman dan Syafiq Ali yang memandu Proton Iriz dan James Veerapen dalam Proton Saga hanya berjaya mendapat tempat keempat dan kelima pada grid permulaan di mana mereka terus berusaha mengawal pengendalian yang sempurna

Semasa perlumbaan, Proton Suprima S yang dipandu oleh Mitchell menguasai perlumbaan itu dan mengambil bendera untuk memberikan R3 satu lagi kemenangan kelas M-Pengeluaran dalam kejuaraan 2019. Dua lagi kereta R3 mengakhiri perlumbaan di tempat keempat dan kelima, membuatkan pasukan itu perlu berusaha dengan lebih keras bagi mencapai kemenangan seterusnya pada hujung minggu itu.

Perlumbaan kedua diadakan pada hari Ahad dan dengan kedudukan permulaan berdasarkan pada kedudukan penamat dari perlumbaan pertama, ketiga-tiga kereta lumba PROTON R3 bermula pada kedudukan pertama, keempat dan kelima. Walau bagaimanapun, apabila lampu mula dinyalakan, ketiga-tiga kereta tersebut dengan pantas mendahului di mana prestasi unggul pada Proton Suprima S, Iriz dan Saga memberikan pasukannya satu perlumbaan yang tidak dapat ditandingi.

Dengan menguasai perlumbaan kedua, R3 mengambil peluang sendiri untuk memaksimumkan mata yang dikumpul oleh pasukan mereka yang mendahului. Oleh itu, pada perlumbaan itu, Proton Iriz yang dipandu Fariqe dan Syafiq yang pertama tiba di garisan penamat diikuti Mitchell dengan Proton Suprima S dan James di dalam Proton Saga.

Ia adalah kali pertama R3 menamatkan perlumbaan di kedudukan tiga teratas dan keputusannya meninggalkan Fariqe dan Syafiq hanya dua mata di belakang pemenang kejuaraan terkini untuk kelas M-Pengeluaran dalam Siri Kejuaraan Malaysia 2019.

"Pusingan ketiga MCS adalah satu cabaran yang sukar untuk R3 ketika kami berusaha untuk memaksimumkan mata di kedua-dua perlumbaan. Format perlumbaan selama satu jam pada hujung minggu lalu adalah satu peluang yang sangat baik untuk kami bekerja menonjolkan prestasi dan ketahanan kereta Proton dan hasilnya menunjukkan kami berada di landasan yang betul untuk memenangi gelaran juara keseluruhan. Ini juga menunjukkan kereta kami akan menjadi sebuah kereta yang hebat pada Sepang 1000KM (S1K) tahun ini, jadi ia merupakan satu usaha yang hebat oleh semua yang terlibat," kata Gary Lee, Pengetua Pasukan PROTON R3.



M/s 2 Dari 3

PASUKAN R3 PROTON MENGUASAI PUSINGAN 3 SIRI KEJUARAAN MALAYSIA (MCS)

Motorsports ada di dalam DNA PROTON

Pada 15 tahun yang lalu, Pasukan PROTON R3 telah menyokong dan mengambil bahagian - dan memenangi - beberapa acara sukan bermotor yang paling berprestij di Malaysia dan di seluruh rantau ini. Acara utama termasuklah kemenangan keseluruhan pada acara Merdeka Millennium Endurance pada tahun 2005 dan 2006 serta empat kemenangan perlumbaan S1K pada tahun 2012, 2014, 2017 dan tahun lepas, 2018.

Walaupun pemandu mendapat kemenangan yang besar, perlumbaan motor adalah sukan pasukan dengan keberhasilan yang bergantung pada kerja keras beberapa pasangan utama dan orang untuk memastikan hasil positif. Pasukan ini menggunakan semua asetnya, termasuk perhentian pit yang cekap dan kerja berpasukan yang sangat baik oleh krew untuk memberi hasil yang terbaik. Jurutera dan kakitangan pasukan R3 menghabiskan banyak waktu untuk membina sebuah kereta perlumbaan yang memenangi keupayaan teknikal dan profesionalisme semua orang yang terlibat. Mereka juga bekerjasama dengan jurutera PROTON untuk memastikan bahawa apa yang dipelajari di landasan disampaikan kepada pasukan yang bertanggungjawab untuk kereta jalan raya.

-Tamat-



M/s 3 Dari 3

PASUKAN R3 PROTON MENGUASAI PUSINGAN 3 SIRI KEJUARAAN MALAYSIA (MCS)

Mengenai PROTON

PROTON Holdings Berhad adalah 50.1% milik DRB-HICOM Berhad dan 49.9% oleh Zhejiang Geely Holding Group Co. Ltd. Ditubuhkan pada tahun 1983, ia adalah satu-satunya pengeluar kereta OEM sepenuhnya yang lengkap dengan kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Asia Tenggara dan telah ditubuhkan dengan tiga objektif dasar kebangsaan utama, iaitu untuk menerajui pembangunan industri pembuatan komponen, untuk memperoleh dan meningkatkan kemahiran teknologi dan perindustrian dalam industri pembuatan otomotif dan untuk mengukuhkan daya saing antarabangsa dalam keupayaan industri Malaysia.

1985 menandakan satu tahun yang hebat dalam sejarah Malaysia apabila kereta nasional pertama negara, Proton Saga, dilancarkan untuk rakyat. Sejak itu, ianya menawarkan ciri yang termasuk kenderaan keluarga empat pintu yang serba boleh dan boleh dipercayai seperti Saga dan Persona, kereta eksekutif bergaya seperti Prevé, eksekutif elegan D-segmen Perdana serta kenderaan pelbagai guna yang luas dan berpatutan seperti Exora dan Ertiga . Terdapat juga Suprima S yang *sporty* anggun yang penuh dengan prestasi dan Iriz yang berani dan bergaya daripada menekankan keselamatan dan merupakan kereta kebangsaan ASEAN 5-Bintang yang paling berpatutan.

PROTON adalah lebih daripada sekadar sebuah syarikat kereta sebagai permulaannya sebagai pemacu utama pembangunan negara telah melihat jenama mempercepatkan proses pembelajaran menerusi pemindahan teknologi dengan perkongsian strategik dan kerjasama teknikal. Tidak syak lagi bahawa ia telah membantu mengembangkan ekonomi Malaysia melalui kemajuan dan kejayaan dalam industri automobil.

Dengan mendengarkan keperluan pelanggan, kereta PROTON kini berada di landasan mencapai misi untuk masa depan, dengan PROTON ditetapkan untuk menjadi sebuah marque yang membina kereta berkualiti dan selamat dengan semangat dan jiwa; kereta yang menyeronokkan untuk pemanduan - dan keselesaan untuk dimiliki. Untuk maklumat lanjut, layari <http://www.proton.com>.

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi:

Bahagian Kumpulan Komunikasi Koporat, PROTON

- Faisal Shah di hp: 019-321 8897 / tel: 03-8026 9389 / faisalshah@proton.com
- Lim Ai Mee di hp: 012-698 9189 / tel: 03-8026 9670 / aimee@proton.com
- Julaiha Jamaludin di hp 011-2885 4300/ tel: 03-8026 9697 / julaiha@proton.com